



**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
KETUA EKSEKUTIF CIDB MALAYSIA**

**SEMPENA:
MAJLIS GRADUASI KE-12
ABM & CIDB TECHNOLOGIES WILAYAH SABAH 2026**

**BERTEMPAT DI:
GRAND BALLROOM, HOTEL SHERATON, KOTA KINABALU,
SABAH**

**PADA:
14 MEI 2026 (KHAMIS)**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih Pengacara Majlis,

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya.**

Yang Berhormat, Dato Ir. Haji Yusuf bin Haji Abd. Wahab
Pengerusi, CIDB Malaysia

Yang Berusaha, Sr Ahmad Farrin Mokhtar
Pengurus Besar Kanan, CIDB Malaysia

Yang Berusaha, Encik Nazri Bin Zakaria
Pengarah, CIDB Negeri Sabah

Yang Berusaha, Encik Mohd Azizi Ali
Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB Holdings

Yang Berusaha, Encik Mohd Hafiz Dasahi
Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB Technologies

Pengurusan Tertinggi CIDB Malaysia,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Akademi Binaan Malaysia
Wilayah Sabah dan CIDB Technologies,

Rakan-Rakan Kolaborasi dari Kementerian, Agensi Kerajaan dan
Institusi Latihan TVET,

Rakan-Rakan Strategik Industri,

Para Graduan TVET Pembinaan Yang Diraikan Pada Hari Ini,

Ibu bapa dan ahli keluarga yang hadir dengan penuh rasa bangga,

Seterusnya, sidang hadirin yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Graduasi Ke-12 Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies Wilayah Sabah.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Ir. Yusof Abdul Wahab, Pengerusi CIDB Malaysia, atas kesudian beliau untuk merasmikan majlis pada hari ini.

MERAIKAN KEJAYAAN GRADUAN

Hadirin yang dihormati,

3. Hari ini kita meraikan 150 orang graduan yang telah berjaya menamatkan latihan dalam pelbagai bidang kemahiran pembinaan di bawah Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP).
4. Para graduan ini bukan sekadar menerima sijil. Mereka juga membawa bersama kemahiran, disiplin dan keyakinan untuk menyumbang kepada sektor pembinaan.
5. Kemahiran yang dimiliki, adalah asas kepada setiap projek infrastruktur, rumah, sekolah, hospital dan kemudahan awam yang lain. Melalui kemahiran yang diperolehi, para graduan yang kita banggakan, pastinya akan membantu merealisasikan pembangunan yang memberi manfaat kepada masyarakat.

PERANAN ABM SABAH DAN CIDB TECHNOLOGIES

Yang Berhormat, tuan puan dan hadirin sekalian,

6. ABM Wilayah Sabah yang ditubuhkan pada tahun 2001 dan CIDB Technologies Sabah memainkan peranan penting dalam melahirkan tenaga kerja mahir yang memenuhi keperluan industri.
7. Sehingga Disember 2025, kedua-dua institusi ini telah melahirkan 7,276 tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang seperti pemasangan perancah, kimpalan, perpaipan, penerapan bata dan pemasangan sistem penghawa dingin.
8. Pencapaian ini membuktikan komitmen berterusan CIDB Malaysia dalam memperkasa bakat tempatan dan menyediakan peluang kerjaya berkualiti kepada rakyat Sabah.

PESANAN KEPADA GRADUAN

Para graduan yang diraikan,

9. Hari ini menandakan permulaan kepada satu perjalanan baharu.
10. Bawalah kemahiran ini dengan rasa tanggungjawab. Laksanakan tugas dengan integriti, disiplin, dan semangat untuk terus menambah ilmu.
11. Sentiasa utamakan keselamatan, kualiti kerja dan etika profesional. Kemahiran yang disertai integriti akan menjadi legasi yang membanggakan.

PENGHARGAAN & PENUTUP

12. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan strategik industri atas sokongan berterusan dalam menyediakan peluang latihan industri dan pekerjaan kepada para pelatih kita.
13. Kepada para tenaga pengajar, terima kasih atas dedikasi dan komitmen dalam membimbing para graduan.
14. Kepada ibu bapa dan ahli keluarga, terima kasih atas sokongan, doa dan pengorbanan yang menjadi tunjang kejayaan anak-anak.
15. Kepada para graduan, tahniah atas kejayaan anda. Teruskan melangkah dengan yakin, berusaha dengan tekun, dan jadilah tenaga mahir yang membanggakan keluarga, negeri Sabah dan negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.